

Y. B. H. G. DATUK REKTOR
TIMBALAN REKTOR PENSANGKAPAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT

OF OF KEHONRAH

TEKS UCAPAN

Y. B. H. G. DATUK REKTOR
SEMPENA

MAJLIS DIALOG WARGA KUTKM BERSAMA

Y. B. TAN SRI KHALIL YAAKOB
MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

DAN PEGAWAI
DI DEWAN SERI NEGERI

SAYA HORMAT
7 JUN 2002

TERLEBIH
MENGUCAPKAN
SERAGAM TANDA KESYUKUTAN KE
HADRAT AHLI KERANA MEMBERTIKAN

BISMILLAH HIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH DAN SALAM
SEJAHTERA

MANFAAT
Y. BERUSAHA SDRI. PENERUSI MAJLIS

INI UN
Y. B. TAN SRI KHALIL YAAKOB
MENTERI PENERANGAN MALAYSIA

Y. B. AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA

Y. B. AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
MELAKA

KUTKM
Y. B. H. G. PROF. ISMAIL HASAN
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

SEBAGA
I ACARA TETAP DI

**Y.BHG. PROF. DR. AZHARI SALEH
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT**

DIF-DIF KEHORMAT

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-
DEKAN KUTKM**

WAKIL-WAKIL MEDIA

**DAN SETERUSNYA WARGA KUTKM YANG
SAYA HORMATI SEKELIAN**

**1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN
MENGUCAPKAN ALHAMDULILLAH
SEBAGAI TANDA KESYUKURAN KE
HADRAT ILAHI KERANA MEMBERIKAN**

**KITA PELUANG UNTUK BERKUMPUL DI
DEWAN SERI NEGERI INI UNTUK SATU
PROGRAM YANG CUKUP BESAR
MANFAATNYA KEPADA WARGA KUTKM.
SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN
INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN
TERIMA KASIH BAGI PIHAK KUTKM DI
ATAS KESUDIAN Y.B. TAN SRI KHALIL
YAAKOB UNTUK HADIR BAGI MAJLIS
DIALOG BERSAMA WARGA KUTKM PADA
HARI INI.**

**2. UNTUK MAKLUMAN Y.B. TAN SRI, INI
MERUPAKAN JULUNG-JULUNG KALINYA
KUTKM MENGADAKAN MAJLIS
SEUMPAMA INI. PIHAK KUTKM
BERCADANG UNTUK MENJADIKAN
SEBAGAI SATU ACARA TETAP DI MANA**

PARA PEMIMPIN TERUTAMANYA DI PERINGKAT PUSAT DIJEMPUT UNTUK BERDIALOG DAN BERSEMUKA DENGAN PARA PELAJAR DAN MASYARAKAT UNIVERSITI DAN MEMBERIKAN PENERANGAN DAN PENJELASAN DAN PENERANGAN MENGENAI DASAR-DASAR DAN TINDAKAN YANG TELAH DAN AKAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN.

Y.B. TAN SRI DAN PARA HADIRIN SEKELIAN,

3. MEMANDANGKAN INI MERUPAKAN KALI PERTAMA Y.B. TAN SRI HADIR KE MAJLIS KUTKM, MAKA SAYA RASA LEBIH ELOK SEKIRANYA SAYA MEMPERKENALKAN KUTKM SECARA

RINGKAS KEPADA Y.B. TAN SRI. KUTKM TELAH DITUBUHKAN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 (AKTA 30) MENERUSI PERINTAH KOLEJ UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PEMERBADANAN) YANG TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI P.U. (A) 124 PADA 3 MEI 2001. PENUBUHANNYA ADALAH BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 2000 DI MANA IANYA BERTITIK-TOLAK DARIPADA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI MASA HADAPAN.

4. IANYA BAGI MELAHIRKAN SUMBER TENAGA PROFESIONAL BIDANG TEKNIKAL YANG BUKAN SAHAJA

MEMPUNYAI KELAYAKAN AKADEMIK YANG MANTAP TETAPI JUGA MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN KETRAMPILAN TEKNIKAL YANG TINGGI. DAN KUTKM JUGA MERUPAKAN IPTA YANG PERTAMA DI MALAYSIA YANG MENDOKONG DAN MELAKSANAKAN PENDIDIKAN TINGGI TEKNIKAL SECARA “HANDS-ON”.

5. UNTUK INI PIHAK KUTKM BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN PUSAT DI BAWAH PIMPINAN YAB PERDANA MENTERI KERANA MENUBUHKAN SEBUAH IPTA PERTAMA DI NEGERI MELAKA INI. DAN TIDAK LUPA JUGA KEPADA KERAJAAN NEGERI MELAKA YANG TURUT SAMA MENGHULURKAN

BANTUAN BAGI MENJADIKAN PENUBUHAN KUTKM SEBAGAI SATU KENYATAAN.

6. DAN BAGI PERINGKAT AWAL INI, KUTKM BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH, MELAKA, TIDAK JAUH DARI DEWAN INI. DAN ISYAALLAH, 20 BULAN DARI SEKARANG KAMPUS TETAP AKAN SIAP DIBINA DI DURIAN TUNGGAL DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN SEBANYAK 600 JUTA. PENGAMBILAN PERTAMA PELAJAR PULA TELAH DILAKUKAN PADA JUN 2001 DENGAN SERAMAI 348 PELAJAR. SEHINGGA KINI, BILANGAN PELAJAR TELAH MENJANGKAU 1500 PELAJAR DI MANA

KEMASUKAN YANG TERBARU PADA 22 MEI 2002 YANG LEPAS SERAMAI 950 PELAJAR TELAH DITAWARKAN TEMPAT.

Y.B. TAN SRI DAN PARA HADIRIN SEKELIAN,

7. BERBALIK KEPADA MAJLIS DIALOG INI, SAYA INGIN MENJELASKAN BAHAWA IANYA DIADAKAN DI ATAS BEBERAPA SEBAB YANG PIHAK KUTKM RASAKAN PERLU. PERTAMANYA MAJLIS SEUMPAMA INI MENJADI SATU PLATFORM KEPADA MASYARAKAT IPTA UNTUK BERTEMU DAN BERTIALOG DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DI PERINGKAT PUSAT YANG TERLIBAT DALAM MENGGUBAL DAN

MERANCANG DASAR-DASAR KERAJAAN YANG MEMERINTAH.

APATAH LAGI DENGAN KEHADIRAN Y.B. TAN SRI SEBAGAI MENTERI DI SEBUAH KEMENTERIAN YANG CUKUP PENTING DALAM MENYAMPAI DAN MENERANGKAN DASAR-DASAR KERAJAAN MELALUI AGENSI-AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN SEPERTI JABATAN PENYIARAN, PENERANGAN, HAL EHWAL KHAS DAN SEBAGAI SUPAYA IANYA DAPAT DIHAYATI, DIFAHAMI DAN SETERUSNYA DIDOKONG DAN DISOKONG OLEH RAKYAT.

9. DALAM HAL INI, IPTA SEBAGAI SATU TEMPAT MELATIH DAN MELAHIRKAN

GENERASI PEMIMPIN DI MASA HADAPAN HARUS DIBERIKAN TUMPUAN YANG LEBIH SERIUS BAGI MENGELAKKAN GOLONGAN-GOLONGAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB MENGAMBIL KESEMPATAN DAN PELUANG BAGI MENABUR FITNAH DAN DAKYAH PALSU BAGI MEMBURUKKAN KERAJAAN YANG MEMERINTAH.

10. APA YANG BERLAKU DI BEBERAPA IPTA ADALAH DIRASAKAN BERPUNCA DARIPADA KURANGNYA INTERAKSI DI ANTARA PARA PEMIMPIN DENGAN GOLONGAN PELAJAR DI IPTA SEHINGGA MENYEBABKAN KELOMPANGAN DAN KEKOSONGAN

INI BAGI MENJALANKAN AGENDA BUSUK MEREKA.

11. DALAM HAL INI, KUTKM CUBA UNTUK MENGAMBIL LANGKAH YANG PRO-AKTIF BAGI MENCEGAH PERKARA-PERKARA YANG NEGATIF DARIPADA BERLAKU DI KALANGAN STAF DAN PELAJAR DENGAN MENGANJURKAN PROGRAM-PROGRAM SEUMPAMA. IANYA AKAN KITA TERUSKAN SECARA BERKALA DI MANA PADA TAHUN KITA MERANCANG UNTUK MENGADAKAN SEKURANG-KURANGNYA TIGA LAGI MAJLIS SEUMPAMA INI. DAN PIHAK KUTKM MENGHARAPKAN PARA PEMIMPIN YANG DIJEMPUT AGAR SUDI UNTUK MENGHADIRKAN DIRI BAGI

**MENJAYAKAN PROGRAM YANG AKAN
DIBUAT.**

**Y.B. TAN SRI DAN PARA HADIRIN YANG
SAYA HORMATI SEKELIAN.**

**12. DENGAN LEDAKAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ATAU
ICT, SUMBER-SUMBER MAKLUMAT
KINI TIDAK HANYA TERHAD KEPADA
MEDIA-MEDIA KONVENSIONAL
SEPERTI TV DAN RADIO DAN SEMATA-
MATA. MALAH IANYA MELANGKAUI
SEMPADAN IMAGINASI KITA DI MANA
MAKLUMAT KINI DAPAT DIPEROLEHI
DARIPADA PELBAGAI MEDIA-MEDIA
BARU SEPERTI INTERNET SEBAGAI
CONTOH.**

**13. INI MENYEBABKAN KAWALAN KEPADA
MAKLUMAT MENJADI LEBIH SUKAR DAN
TIDAK TERKAWAL. INI DIBURUKKAN LAGI
OLEH TINDAKAN BEBERAPA PIHAK YANG
TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK
MENYEBARKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT
PALSU DAN TIDAK BENAR. OLEH ITU,
MAJLIS SEUMPAMA INI JUGA MAMPU
MENJADI SATU FORUM DI MANA
PENJELASAN DAN PENERANGAN DAPAT
DIBERIKAN SECARA BERSEMUKA OLEH
PEMIMPIN DI PERINGKAT PENGGUBAL
DASAR MENGENAI ISU-ISU YANG
DIBANGKITKAN.**

**14. KESANNYA, SEGALA TOHMAHAN DAN
DAKYAH INI DAPAT DITANGKIS DENGAN
LEBIH BERKESAN DI MANA PENJELASAN**

TE YANG LANGSUNG DAPAT DIPEROLEHI
KEMUDIANNYA MEMBANTU UNTUK
MEMAHAMKAN MASYARAKAT DI IPTA
MENGENAI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN
YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN DAN
AKHIRNYA DAPAT DISAMPAIKAN
PULA KEPADA ORANG RAMAI
DENGAN LEBIH BERKESAN.

15. SAYA JUGA MENGHARAPKAN AGAR
PROGRAM DAPAT MEMUPUK
KEMESRAAN DI ANTARA PEMIMPIN
DAN PELAJAR KHUSUSNYA. INI
PENTING BAGI MEMBOLEHKAN
GENERASI PEMIMPIN MASA HADAPAN
INI DIBIMBING DAN DIBENTUK
DENGAN BAIK MELALUI PENDEKATAN

YANG BIJAK. OLEH ITU, SAYA JUGA
BERHARAP SETIAP WARGA KUTK YANG
HADIR PADA HARI INI DAPAT
MEMANFAATKAN SEGALA MAKLUMAT
YANG DISAMPAIKAN OLEH Y.B. TAN SRI
UNTUK KEBAIKAN NEGARA KITA.

SEKIAN, WABILLAHИ TAUFIK WAL HIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WBKTH.